

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATO' SRI HASAN ARIFIN**  
**KAWASAN : ROMPIN**  
**TARIKH : 31 JULAI 2017 (ISNIN)**

**SOALAN:**

**YB. DATO' SRI HASAN ARIFIN** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah kerja-kerja pembesaran dan kerja-kerja baik pulih jalan daripada Pekan hingga ke Mersing. Jalan ini sangat penting bagi membantu pertumbuhan ekonomi persisiran pantai Pahang Selatan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Projek Menaiktaraf Jalan Pekan Nenasi - Endau, Rompin, Pahang telah diluluskan di bawah RMKe-10 bagi pelaksanaan kerja-kerja awalan (rekabentuk dan pengambilan tanah). Skop yang diluluskan berdasarkan Makmal Pengurusan Nilai adalah seperti berikut:-

- i. Menyediakan rekabentuk untuk:
  - Fasa 1: Bandar Pekan ke Kg Sg. Miang, Daerah Pekan sejauh 15 km (*4 lane dual carriageway*)
  - Fasa 2: Kg Sg. Miang ke Tg. Batu, Daerah Pekan sejauh 29 km. (*2 lane single carriageway*)
  - Fasa 3: Tg. Batu, Daerah Pekan ke Leban Chondong, Daerah Rompin sejauh 25 km. (*2 lane single carriageway*)
- ii. Pengambilan balik tanah untuk Fasa 1 sahaja

Rekabentuk bagi ketiga-tiga fasa telahpun disiapkan dan pengambilan tanah bagi Fasa 1 kini dalam tindakan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Pahang.

Di bawah *Rolling Plan* Ke-2 (RP2) RMKe-11 ini, kementerian ini telah menerima kelulusan peruntukan sebanyak RM406 juta daripada Agensi Pusat untuk melaksanakan pembinaan bagi Fasa 1. Projek ini dirancang untuk ditender pada bulan Oktober 2017 dan kerja-kerja pembinaan dijangka akan dimulakan pada bulan Mac 2018.

Sekian, terima kasih.